

Kor Suksis UNIMAS bantu pelajar capai kecemerlangan

on 22 December 2014.



Kota Samarahan, 22 Disember : Satu Majlis Amanat Komandan dan Angkat Sumpah Pelatih Kor Sukarelawan Siswa/Siswi UNIMAS (SUKSIS) telah diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Amanat telah disampaikan oleh YBhg ACP/KS Prof Dato' Dr Mohammad Kadim Suaidi selaku Jomandan Kor SUKSIS UNIMAS kepada 58 orang siswa dan siswi UNIMAS.

"Kor SUKSIS kerana bukan sahaja membantu dalam akademik, bahkan membentuk sahsiah diri dalam melahirkan modal insan yang cemerlang," Ucap YBhg ACP/KS Prof Dato Dr Mohammad Kadim Suai'di dalam ucapan beliau.

"Di harap hubungan baik antara UNIMAS dan PDRM khususnya IPK Sarawak dan IPD Samarahan akan terus berkekalan dalam melahirkan para pegawai Kor SUKSIS yang mempunyai tahap disiplin dan profesionalisma tinggi,,," kata beliau lagi.

Majlis tersebut turut menyaksikan para pelatih mengangkat sumpah sebagai Kor SUKSIS dengan disaksikan oleh Komandan Kor SUKSIS UNIMAS bersama YBhg ACP Wan Shamsuddin bin Wan Hussin, Timbalan Ketua Jabatan PJKK (Operasi), IPK Sarawak.

Artikel :Yulhardy Budiman || Foto : Azlandy M.A.T